

CNS0173

U GR 08-11 00159 BA614

aab

MAHATHIR : M'SIA PERLU KEKUATAN EKONOMI UNTUK PERTAHAN KEMERDEKAAN  
Mahathir - UMNO (Wawasan)

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia perlu mempunyai kekayaan ekonomi dan kemampuan membangunkan diri sendiri untuk mempertahankan kemerdekaannya.

Perdana Menteri dan Presiden Umno itu berkata, kekuatan ketenteraan bukan sebenarnya senjata untuk mempertahankan kemerdekaan walaupun ia mempunyai peranan.

+Hanya jika kita dapat menjadi nsgara maju, barulah kita akan dapat bertahan jika sekatan dagangan dan lain-lain ancaman bukan tentera dilancarkan terhadap kita,+ katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO yang bertemakan +UMNO Mendokong Wawasan 2020+ di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Wawasan 2020 dibentuk bagi Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Katanya, nsgara maju yang dimaksudkan oleh beliau ialah sebuah negara yang berupaya membangunkan diri sendiri melalui penguasaan ilmu, cekap dan moral yang tinggi. -- Lagi

♥08/11/12-24MST

CNS0175

U GR 08-11 00147 BA615

aab

Mahathir - UMNO (Wawasan) 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagi mencapai wawasan itu, Malaysia memerlukan pertumbuhan ekonomi pada paras tujuh peratus setahun atau sekali ganda setiap 10 tahun.

+Ini bermakna pada tahun 2020 ekonomi kita akan menjadi lapan kali ganda lebih besar daripada sekarang,+ katanya.

Perdana Menteri berkata pertumbuhan ekonomi itu tidak mustahil dicapai kerana purata pertumbuhan dalam dekad 70 dan 80an ialah hampir tujuh peratus dan segala infrastruktur sudah dan sedang disediakan.

Malaysia juga mempunyai sistem politik dan pentadbiran yang kukuh dan cekap serta sistem kewangan, urusan bank, pasaran saham dan modal yang teguh, katanya..

Datuk Seri Dr Mahathir, bagaimanapun, mengingatkan bahawa pencapaian wawasan itu akan tercatat sekiranya pertumbuhan ekonomi sebanyak tujuh peratus setahun itu tidak disertai dengan pertumbuhan bahagian Bumiputera pada paras yang sama ataupun lebih.-- Lagi

♥08/11/12-26MST

CNS0177

U GB 08-11 00155 BA616

aab

Mahathir - UMNO ( Wawasan ) 3 Kuala Lumpur

+Tentulah **orang** Melayu dan Bumiputera akan kecewajika dalam negara yang maju pada tahun 2020, mereka menjadi kelompok yang mundur dan miskin.+

Perdana Menteri berkata perkara pertama yang harus dielak oleh orang Melayu dan Bumiputera ialah membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan yang mendakwabahawa yang penting bukan Wawasan 2020 tetapi wawasan akhirat .

+Mereka yang mengimbangidunia dan akhirat , seperti yang dikehendaki oleh agama Islam, akan bahagi a didunia dan akhirat , insya-Allah. Ini jugalah yang kita tekankan dalam Wawasan 2020,+katanya.

Perdana Menteri juga berkata bahawa usaha kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera akan gagal sskiranya orang Melayu tidak bersungguh-sungguh mempelajaricarapengurusan perniagaan.

Menurutnya, orang Melayu clan Bumiputera sebenarnya tidak kurang bakat dan kemampuan dengan yang bukan Bumiputera dan ini dibuktikan dengan kejayaan orang-orang Melayu yang berjajrah kenegara lain. -- lagi

♥08/11/12-28MST

CNS0180

U GB 08-11 00089 BA617

aab

Mahathir - UMNO (Wawasan) 4 Kuala Lumpur (akhir)

**Katanya**, sifat-sifat penting untuk mencapai kejayaan ialah amanah, berjimat-cermat, tekun dan kuat bekerja.

+Kejayaan tidak akan datang bergolek. Emas di dalam bumipun perlu digali dan dikeluarkan sebelum berharga,+katanya.

**Katanya**, walaupun kerjasamadiantara Bumiputera' dengan bukan Bumiputera tidak ditegah, perbuatan Bumiputera yang hanya menjadi orang depan kepada bukan Bumiputera atau hanya berminat untuk mendapatkan lesen daripada kerajaan untuk di jual kepada bukan Bumiputera untuk cepat kaya tidak dikehendaki. -- Bernama

♥08/11/12-30MST